


**TELEPUK  
KLAUAN EMAS PERADA TERBANG**

**FAUZIAH MUANAM  
90613176**

**DIPLOMA KAJIAN SENI LUKIS & SENI REKA  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
TAHUN 1994**



## SINOPSIS

Tekstil Melayu tergolong sebagai satu bentuk kraftangan yang dihasilkan oleh kelompok masyarakat melayu, bagi memenuhi bahan keperluan harian atau dalam acara adat. Seni penciptaan tekstil ini berkembang mengikut perubahan sejarah, tamadun dan sosiologi manusia. Penghasilan dan penggunaan tekstil sebagai bahan pakaian bukan sahaja dilihat dari sudut fungsi tetapi dari sudut simbol dan keindahan.

Penggunaan tekstil sebagai bahan pakaian bukan sahaja berkembang setelah benang dan proses tenunan mulai dikenali manusia tetapi lebih awal dari itu. Naluri manusia menghasilkan Tekstil dari kulit kayu dan daun-daun kayu untuk menghindar dari hujan (kesejukan) dan serangan serangga dan binatang lainnya.

Manusia mencipta dengan sepenuh rasa. Pelbagai teknik, penggunaan bahan, bentuk, gaya dan motif hiasan tekstil menceritakan tentang kepekaan tukang dan seniman.

Di rantau Melayu, Tekstil Melayu dianggap satu bentuk kraftangan yang penting yang mencerminkan nilai sosio budaya sesuatu masyarakat, pangkat dan darjah kedudukan. Tekstil melayu mempunyai nilai Estetik sendiri. Nilai keindahan dan kehalusan Seni Reka Tekstil Melayu terserlah pada setiap hasil tenunan lungsing dan pakan. Begitu ia digemilangkan dengan pelbagai ragam hias dan motif hias yang ‘complicated’, penuh citarasa dari segi warna dan letak duduk kegunaannya.

**Terima Kasih Abadi Untuk :**

Puan Zaharah Ahmad Osman

(Pensyarah penasihat tesis, KSSR-Resis)

Untuk segala kritikan dan idea yang membina.

Puan Azah Aziz

(Budayawan Negara)

Atas segala kejujurannya memberi ilmu dan pandangan.

Puan Zubaidah Shawal

(Pegawai Pembantu Muzium Negara, K. Lumpur)

Pada syarahan yang berkesan.

En. Ahmad Shanti

(Ketua Jabatan Seni Foto, Muzium Negara, K. Lumpur)

Kerjasamanya menyediakan gambar yang diperlukan.

En. Sulaiman Abd. Ghani

(Pensyarah Seni Reka Tekstil, KSSR- Fiber)

Untuk dorongan dan pendapat.

Puan Zaleha Shaari

(Ketua Jabatan Seni Reka Tekstil, KSSR- Printing)

Pada segala bentuk kerjasama.

## **ISI KANDUNGAN**

vi	Sejambak Budi
ix	Sinopsis
xv	Senarai Ilustrasi, Jadual, Rajah, Sisipan

### **BAB 1**

1.1	Sejarah Seni Telepuk	2 - 8
1.2	Istilah Telepuk	9 - 11
1.3	Penggunaan Kain Telepuk	12 - 13

### **BAB 2**

2.1	Motif Hias	15 - 21
2.2	Warna Natar	22 - 24

### **BAB 3**

3.1	Jenis-jenis Kain	26 - 33
3.2	Jenis-jenis Perada	34 - 36
3.3	Jenis-jenis Gam	37 - 38
3.4	Sarang Bunga	39 - 42

### **BAB 4**

4.1	Menggerus Kain	44 - 50
4.2	Proses Membuat Gam (Secara Tradisional)	51 - 52
4.3	Menyediakan Ukiran	53

## **SEJARAH SENI TELEPUK**

Suatu masa dahulu, sesiapa yang memakainya akan menjadi daya tarikan.

Proses penghasilannya yang sukar yang menuntut ketekunan dan kesabaran yang tinggi, ditambah lagi penjagaannya yang rumit mengikat seni ini hanya dilingkungan istana sahaja. Mengikut sejarah, Fabrik telepuk amat masyhur di kalangan keluarga di raja kerana motif hiasnya diperbuat dari emas tulin. Seni telepuk merupakan satu hobi di kalangan istana dan golongan bangsawan kerana mempunyai banyak masa lapang untuk menghasilkannya.

Keindahan Seni Telepuk dahulukala merujuk kepada kedudukan atau darjat seseorang. Emas tulin 18 mutu atau hari ini di panggil emas 24 karat adalah bahan utama menimbulkan motif hias di atas kain. Ia melambangkan istana kerana tinggi nilai emas dan warna kuning yang menjadi warna di raja. Hanya raja dan golongan bangsawan sahaja yang boleh memakainya. Ini jelas dalam penulisan berikut :

1. "Tiada harus orang-orang kebanyakan memakai sebarang pakaian daripada **berwarna kuning atau kekuning\_kuningan**, walaupun mereka itu orang besar sekalipun melainkan jika dianugerah atau diizinkan oleh raja memakainya, dan barang siapa yang menyalahinya harus dihukum "<sup>2</sup>
  
2. "Tiada boleh memakai sebarang kain sarung benang atau sutera yang berbunga seperti batik atau pelangi, istimewa yang tiada berkepala dan memakai kain hendaklah labuh ke bawah lutut dan boleh memakai tengkolok batik jawa atau Bugis Hitam tetapi tiada bertelepuk atau benang emas "